

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 10, 2019 2:51 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Majlis Suai Kenal Pelajar Pascasiswazah UAE Bersama Naib Canselor



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 OKTOBER 2019 / 11 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid

Majlis Suai Kenal Pelajar Pascasiswazah UAE Bersama Naib Canselor



UUM ONLINE: Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP) di bawah Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) menganjurkan Latihan Intensif "Postgraduate Executive Programme for International Students" di Universiti Utara Malaysia pada 6 – 24 Oktober ini.

Program ini melibatkan 25 pelajar antarabangsa UUM yang terdiri dari pegawai dan staf kerajaan dari Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Mereka diraikan pada Majlis Suai kenal Pelajar Pascasiswazah UAE Bersama Naib Canselor di GSGSG, semalam.

Naib Canselor UUM, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu serta melahirkan penghargaan kerana telah memilih UUM sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah untuk semester A191.

Beliau beramah mesra dengan pelajar yang mengikuti program di peringkat doktor falsafah (PhD) dan Sarjana (Master) dalam bidang Pengurusan Awam, Undang-Undang, Pengajian Antarabangsa dan Perniagaan Antarabangsa. Beliau juga turut memaklumkan bahawa kumpulan pelajar ini merupakan duta kecil UUM di UAE.

"UUM sentiasa memberi perkhidmatan terbaik, kemudahan yang kondusif dan meningkatkan kualiti untuk menarik lebih ramai pelajar dari UAE.

"Saya berharap para pelajar belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan di samping memanfaatkan peluang belajar di UUM seterusnya mengajak lebih ramai rakan-rakan untuk belajar di sini," ujarnya.

Pertemuan ini menyaksikan masing-masing berkongsi cerita dan bertukar-tukar pandangan sekali gus menjalin hubungan yang lebih erat. Pelajar-pelajar ini turut kagum dengan keindahan dan persekitaran hijau UUM. Mereka mengucapkan terimakasih kepada staf GSGSG yang memberi komitmen dalam membantu melancarkan urusan pendaftaran dan pembelajaran mereka di UUM.

UUM bertekad memberi perkhidmatan terbaik dan meningkatkan kualiti selaras dengan aspirasi ke arah menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.

Hadir sama, Dekan GSGSG, Prof. Madya Dr. Rusdi Omar, Timbalan Dekan GSGSG, Prof. Madya Dr. Badariah Haji Din, Pengarah GSEEP, Dr. Abd Rahim Romle, Pengarah CIAC, Prof. Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi, Dekan SOL, Dr. Rohana Abdul Rahman, Dekan STHM, Dr. Johan Afendi Ibrahim, Dekan SOG, Prof. Madya Dr. Zainal Md. Zan dan Timbalan Dekan SOIS, Dr. Nazariah Osman.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.